

## **‘Kata Kunci’ Dialog Antara Agama Para Nabi Dan Rasul Di Dalam Al-Quran**

### ***The Requirement Of Interreligious Dialogue Based On The Experience Of The Prophets In The Quran***

Aemy Elyani Binti Mat Zain<sup>1</sup>

#### **ABSTRAK**

*Al-Quran adalah mukjizat Rasulullah s.a.w dan petunjuk abadi bagi umat Nabi Muhammad s.a.w. Al-Quran memaparkan kisah para nabi dan rasul sentiasa berdialog dengan umat masing-masing dalam usaha menyampaikan kebenaran Islam. Ini menunjukkan dialog adalah medium yang sangat penting dalam menyampaikan agama dan mempertahankan kebenaran. Sudah pasti terdapat kata-kata kunci utama yang terkandung di dalam dialog para nabi dan rasul. Justeru, objektif artikel ini adalah untuk mengkaji apakah kata-kata kunci utama yang terkandung di dalam dialog para nabi dan rasul dengan umat mereka. Metodologi kajian ini adalah bersifat kualitatif yang menganalisis ayat-ayat al-Quran tertentu yang berkaitan dengan dialog para nabi dan rasul dengan umat masing-masing. Analisis berkenaan bertujuan untuk mengenalpasti kata-kata kunci yang menjadi teras utama dalam dialog tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat enam kata kunci yang ditemui dalam dialog para nabi dan rasul. Kata-kata kunci tersebut dapat menjadi garis panduan kepada kaum muslimin dalam berdialog dengan penganut agama lain.*

**Kata Kunci:** *Kata kunci, dialog, al-Quran, nabi dan rasul*

#### **ABSTRACT**

*Al-Quran is the primary source of Muslim. It compiles all things needed by human beings from the biggest matter to the smallest one. Even, there is also a compilation dialogue of prophets with their people who are not Muslim. It is shown that dialogue is one important part in Islam to deliver the message of Islam. Based on this statement, the objective of the paper is to analysis some of the requirements having in the Quran specifically in terms of the interreligious dialogue. The paper's methodology is qualitative which analyzing the quranic ayat that related with the prophets' dialogue. The result indicated there are six requirements of interreligious dialogue done by the prophets with their people. These six things that al-Quran thought us on how to prepare our selves in the dialogue with non Muslim and it should be the guideline now and after this.*

**Key Words:** *Requirement, interreligious dialogue, al-Quran, prophets*

---

<sup>1</sup> Aemy Elyani Binti Mat Zain, MA Usuluddin & Falsafah, UKM. Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Selangor, email: aemyelyani@kuis.edu.my

## Pengenalan

Agama adalah neraca yang mutlak mengenai hakikat-hakikat asasi dalam kehidupan seseorang (Farid: 2012). Umat yang beragama mempunyai suatu kerangka pemikiran tertentu berdasarkan ajaran-ajaran mereka. Begitu juga sebaliknya agama Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w, nabi dan rasul terakhir dan pelengkap kepada agama-agama samawi yang sebelum ini. Ini jelas sekali dibuktikan dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud: *Pada hari ini telah Aku sempurnakan agamamu untukmu, dan telah Aku sempurnakan nikmat-Ku bagimu dan telah Aku redhakan Islam sebagai agamamu* (Al-Maidah: 3). Di sini bukan sahaja memberi erti bahawa agama Islam itu pelengkap kepada agama-agama samawi, bahkan dalam masa yang sama agama Islam ini meliputi semua perkara dalam kehidupan umat Islam. Dalam kata lain, agama Islam itu cara hidup orang Islam dalam setiap aspek kehidupan termasuk isu dialog antara agama yang akan dibahas dalam artikel ini. Maka, keperluan bagi menjelaskan falsafah-falsafah dialog antara agama yang disebut di dalam Al-Quran adalah penting sebagai garis panduan umat Islam khususnya di Malaysia.

Dialog, suatu yang menjadi kebiasaan bagi manusia yang normal kerana dialog adalah perbualan atau penyampaian yang melibatkan dua atau lebih individu dan kumpulan. Menurut (Ghazali Basri 1992), (Muda et.al; Ramli Awang 2008) dan (Zulkiflee Haron et.al. 2011) dialog ialah proses penyampaian antara dua atau lebih individu atau kumpulan. Maka, pemahaman dialog secara umum ini boleh diterima dan difahami oleh masyarakat awam keseluruhannya.

Seterusnya, definisi dialog antara agama adalah hampir menyamai dengan makna dialog secara umum kerana istilah tersebut adalah sama, cuma aspek dialognya adalah antara agama iaitu melibatkan pegangan, kepercayaan, pendirian, dan aqidah yang berbeza. Begitulah sebaliknya dalam membincangkan kunci dialog antara agama dalam Al-Quran ini adalah khusus melibatkan dialog para nabi terdahulu dengan kaum mereka yang bukan Islam.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metod kualitatif iaitu menganalisis isi kandungan ayat-ayat al-Quran. Dalam hal ini, ayat-ayat al-Quran yang menjadi fokus kajian terbatas kepada ayat-ayat dialog di antara para nabi dan rasul dengan umat masing-masing. Analisis ayat-ayat tersebut adalah bertujuan untuk mengenalpasti kata-kata kunci yang menjadi teras utama dalam dialog para nabi dan rasul ketika berhadapan dengan umat mereka. Justeru, bagi memperolehi kata-kata kunci tersebut maka analisis yang dilakukan melalui pendekatan tematik..

Analisis secara tematik adalah kaedah penganalisan yang tepat bagi kajian ini kerana ia merupakan kaedah yang mengenal pasti, menganalisis dan menghasilkan laporan tema-tema yang wujud di dalam data-data yang diperolehi (Braun. V et.al : 2006). Tema-tema yang terhasil daripada data-data yang diperolehi ini akan dianalisis secara deduktif iaitu bentuk yang umum kepada yang khusus. Ini seiringan dengan apa yang dinyatakan oleh Braun.V (2006); *theoretical thematic analysis would tend to be driven by the researcher's theoretical or analytical interest in the area, and is thus more explicitly*

*analyst-driven*. Maka, akan terhasilnya kunci-kunci dialog antara agama yang lebih jelas dan ketara yang disebut di dalam Al-Quran itu yang mana kunci ini seharusnya dijadikan kayu ukur kepada penggiat dan penggerak dialog antara agama di Malaysia.

## Dapatan Kajian

### Unsur-Unsur Dialog Di Dalam Al-Quran

Terdapat pelbagai unsur dialog di dalam al-Quran samada secara langsung atau tidak langsung. Menurut Tantawi (2001) dialog di dalam al-Quran merangkumi dialog berkaitan keesaan Allah SWT, dialog tentang hari kiamat, pahala dan dosa, dialog tentang al-Quran, dialog Allah SWT dengan makhluknya dan dialog Nabi-nabi terdahulu dengan kaumnya.

Sebaliknya, dialog antara agama atau dialog yang melibatkan penganut selain daripada Islam hanya terdapat satu kategori sahaja iaitu dialog para nabi terdahulu dengan kaumnya yang mana dialog ini terbahagi kepada dialog umum dan dialog khusus (Tantawi 2001). Dialog umum tidak disebut secara jelas rasul atau nabi mana yang terlibat berdialog dengan kaumnya, sebaliknya dialog khusus pula jelas menunjukkan rasul dan nabi yang tertentu berdialog dengan kaumnya, antaranya Nabi Nuh AS, Nabi Hud AS, Nabi Saleh AS, Nabi Ibrahim AS dan Nabi Syuaib AS. Maka, perbincangan pada artikel ini meneliti dan mencungkil apakah kunci dialog antara agama yang dibenarkan dalam Islam melalui kisah para nabi terdahulu dengan kaumny.

### Kekerapan Dialog Antara Agama Nabi-Nabi Terdahulu Dan Kaumnya

Jadual 1 di bawah menunjukkan kekerapan dialog antara agama yang disebut di dalam Al-Quran antara para nabi terdahulu dengan kaumnya.

Bil.	Surah	Kekerapan	Jenis Dialog
1.	Al-Ankabut	4	1.Dialog tentang keesaan Alah (2 kali) 2.Dialog tentang hari kiamat,pahala,dosa (1 kali) 3.Dialog Nabi Ibrahim dengan kaumnya (1 kali)
2.	Al-A'raf	7	1.Dialog tentang keesaan Allah (1 kali) 2. Dialog Allah SWT dengan Nabi Musa (1 kali) 3.Dialog Nabi Nuh dengan kaumnya (1 kali) 4. Dialog Nabi Hud dengan kaumnya (1 kali) 5. Dialog Nabi Soleh dengan kaumnya (1 kali) 6. Dialog Nabi Syu'aib dengan kaumnya (1 kali) 7. Dialog Nabi Lut dengan kaumnya (1 kali)
3.	Hud	6	1.Dialog Nabi Nuh dengan kaumnya (3 kali) 2.Dialog Nabi Hud dengan kaumnya (1 kali) 3.Dialog Nabi Soleh dengan kaumnya (1 kali) 4.Dialog Nabi Syu'aib dengan kaumnya (1 kali)
4.	Asy-Syu'araa	3	1.Dialog Nabi Nuh dengan kaumnya (1 kali)

			2.Dialog Nabi Hud dengan kaumnya (1 kali) 3.Dialog Nabi Ibrahim dengan kaumnya (1 kali)
5.	Al-Anbiyaa	1	1.Dialog Nabi Ibrahim dengan kaumnya (1 kali)
6.	Al-Naml	1	1.Dialog Nabi Soleh dengan kaumnya (1 kali)
7.	Mukminun	1	1.Dialog Nabi Nuh dengan kaumnya (1 kali)
8.	Yasin	1	1.Dialog Rasul dengan kaumnya (1 kali)
9.	Ibrahim	1	1.Dialog Rasul dengan kaumnya (1 kali)
10.	Maryam	1	1.Dialog Nabi Ibrahim dengan bapanya (1 kali)
11.	Nuh	1	1.Dialog Nabi Nuh dengan kaumnya (1 kali)

Sumber: Tantawi 2001 & Ahmad Fakhurrazi 2009

Berdasarkan jadual di atas, dialog para nabi terdahulu dengan kaumnya merupakan surah-surah Makkiyah yang mana surah-surah Makkiyah mengandungi ciri-ciri yang agak berbeza dengan surah-surah Madaniyah. Menurut Sofiah Shamsuddin (2006) antara perkara yang boleh dilihat pada surah Makkiyah ialah ayat-ayatnya menyeru kepada Tawhid kepada Allah SWT dan akidah yang benar kerana majoriti umat ketika itu ingkar dan jahil dalam mencari agama yang benar.

Selain itu, surah Makkiyah juga menyebut amalan-amalan kaum musyrikin yang melampaui batas seperti makan harta anak yatim dan menanam anak hidup-hidup serta banyak menceritakan kisah-kisah nabi terdahulu dengan kaumnya yang ingkar yang mana dapat dijadikan teladan. Hal yang sama turut dinyatakan oleh Thameem Ushama (1998) yang menyebut ciri utama yang boleh dilihat daripada surah Makkiyah ialah seruan kepada agama Islam. Tambahnya lagi, petikan-petikan surah Makkiyah ini sebenarnya mengandungi asas-asas kebaikan dan teladan yang boleh dijadikan contoh kepada generasi masa kini (Thameem Ushama 1998).

Rumusan awal yang boleh diambil daripada jadual di atas ialah falsafah utama dialog antara agama yang disebut di dalam al-Quran menyentuh tentang seruan kepada ketawhidan. Dalam kata lain, menyembah Tuhan Yang Maha Esa, contohnya surah Al-Ikhlash begitu jelas menceritakan tentang keesaan Allah SWT. Seterusnya dari sudut intipati kunci dialog antara agama yang terdapat pada dialog-dialog nabi terdahulu dengan kaumnya ada dibahaskan oleh Ahmad Fakhurrazi et.al. (2009) dalam artikelnya yang bertajuk 'dialog dengan non-Muslim: Iktibar dari kisah para Nabi dalam al-Quran' telah menilai beberapa kunci yang terdapat pada dialog nabi-nabi terdahulu dan kaumnya. Antaranya mempromosikan agama Islam secara jitu tanpa berkias, tenang dalam menghadapi provokasi, tegas dan berprinsip, ilmu sebagai sandaran utama, membangkitkan keinginan berfikir dan persoalan kemasyarakatan (Ahmad Fakhurrazi et.al. 2009).

Dalam masa yang sama juga, Tantawi (2001) turut mencungkil kunci yang terdapat pada dialog para terdahulu dan kaumnya adalah seperti berikut:

Bil	Kisah para rasul (Surah/ayat)	Kunci dialog
1.	Nabi Nuh dengan kaumnya (al-A'raf: 60-63, Hud: 27, Hud: 28-31, Hud: 33, Mukminun: 24-25 dan asy-Syu'araa: 105-120)	a. Hujah dialog disampaikan kuat/kukuh b. Mempersiapkan diri dengan etika yang mulia, keberanian dan

		kesabaran
2.	Nabi Hud dengan kaumnya (al-A'raf:67-70, Hud: 50-57 dan asy-Syu'araa 128-135)	c. Menyerahkan segala urusan kepada Allah
3.	Nabi Soleh dengan kaumnya (al-A'raf 73-76, Hud: 63, an-Naml: 45-47)	a. Menjawab semua pertanyaan dan persoalan pihak lain tanpa ada unsur kekerasan dan mempunyai nasihat dan petunjuk a. Mempersiapkan diri dengan etika yang mulia b. Hujah disampaikan secara logik dan benar c. Mengingatnkan nikmat Allah kepada pihak lain d. Memberi peringatan kepada mereka yang bergelimang dengan maksiat
4.	Nabi Ibrahim dengan bapanya (Maryam: 41-47, Tawbah: 114)	a. Berdialog dengan sopan, lemah-lembut dan rasa kasih sayang b. Menerima jawapan dengan hati terbuka c. Menjawab dengan hujah secara logik dan benar serta beretika baik
5.	Nabi Ibrahim dengan kaumnya (Asy-Syu'araa: 69-82, al-Ankabut: 16-24, al-Anbiyaa: 69)	a. Berdialog dengan sopan, lemah-lembut dan rasa kasih sayang b. Membangkitkan perasaan berfikir dengan melontar kembali persoalan c. Memberi ingatan sebagaimana yang telah berlaku kepada umat terdahulu d. Memberi hujah yang kuat dan nasihat yang baik sebagai bukti kebenaran
6.	Nabi Syuaib dengan kaumnya (al-A'raf: 85-89, Hud:84-93)	a. Memberi ingatan sebagaimana yang telah berlaku kepada umat terdahulu b. Memberi hujah yang kuat dan nasihat yang baik sebagai bukti kebenaran

Jadual 2  
Kata kunci dialog nabi-nabi dengan kaumnya

Berdasarkan jadual di atas, didapati kunci dialog para nabi terdahulu dengan kaumnya secara tidak langsung memberi gambaran akan konsep dialog antara agama yang dianjurkan di dalam Islam. Kedua, al-Quran juga memberikan panduan dan etika berdialog

yang seharusnya dijadikan rujukan utama umat Islam yang ingin terlibat dengan dialog antara agama.

#### Kerangka Akhir Kata Kunci Dialog

Dalam hal ini, penulis menganalisis dan menggariskan kerangka akhir yang terbentuk daripada perbincangan di atas yang mana keenam-enam kata kunci tersebut dijelaskan seperti dalam jadual 3 di bawah.

<b>Bil.</b>	<b>Kisah Rasul</b>	<b>Bukti</b>	<b>Pendekatan Dialog</b>
1.	Semua nabi iaitu Nabi Nuh, Nabi Hud, Nabi Soleh, Nabi Syuaib, Nabi Lut dan Nabi Ibrahim	<p>Kaum-kaum penyembah berhala dan pelbagai sikapnya</p> <p>Nabi Nuh – kaum penyembah berhala (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Hud – kaum penyembah berhala (Tantawi 2001)</p> <p>kaum yang terkenal dan mempunyai harta banyak dan mempunyai tubuh yang kuat (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Soleh – kaum penyembah berhala (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Ibrahim – kaum penyembah berhala (Tantawi 2001)</p> <p>ahli keluarga sendiri iaitu bapa (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Syuaib – kaum penyembah berhala (Tantawi 2001)</p> <p>kaum yang sering mengurangi timbangan dan sukatan (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Lut – kaum yang melakukan hubungan sejenis (Ahmad Fakrurrazi et al 2009)</p>	Mendekati pelbagai bentuk manusia yang menyekutukan Allah
2.	Nabi Nuh, Nabi Hud, Nabi Soleh, Nabi Syuaib dan Nabi Ibrahim	<p>Nabi Nuh – Nabi Nuh berkata kepada kaumnya yang kafir, ‘wahai kaumku ceritakan kepadaku bagaimana pendapatmu jika aku mempunyai bukti dan hujah yang nyata dari Tuhanku yang telah mewahyukan kenabian kepadaku, sebagai bukti akan kebenaran semua yang aku lakukan’ (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Hud – Nabi Hud berusaha menghilangkan tuduhan kaumnya bahawa dia orang yang lemah akalnya dengan memberikan tugas kerasulannya yang dibawanya dan hubungan persaudaraan dengan mereka yang tidak mungkin dia akan berbohong (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Soleh – Nabi Soleh menyuruh kaumnya dan berkata: ‘wahai kaumku, ceritakan</p>	Mempersiapkan diri dengan hujah yang kukuh dan benar

	<p>3. Nabi Ibrahim dan Nabi Lut</p>	<p>kepadaku bagaimana pendapatmu jika aku mempunyai alasan dan bukti yang jelas dan kukuh yang telah diberikan Tuhan kepadaku dan Dia telah memberikan rahmat serta memilihku menjadi seorang nabi untuk menyampaikan risalahnya (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Ibrahim – Nabi Ibrahim menjelaskan tentang kebatilan yang kaumnya lakukan, lalu mengatakan kepada mereka: ‘Tindakan kamu menyembah berhala merupakan perbuatan yang sangat batil kerana dengan demikian kamu menyembah sesuatu yang tidak dapat memberi manfaat dan mudarat’ (Tantawi 2001).</p> <p>Nabi Syuaib – Nabi Syuaib berkata kepada kaumnya: ‘Wahai kaumku, ceritakan kepadaku bagaimana pendapatmu jika aku mempunyai bukti dan dalil yang kuat dari Tuhanku yang telah memberiku rezeki dengan kurnia-Nya..’ (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Ibrahim - Kisah Nabi Ibrahim ketika menyuruh kaumnya dan bapanya menyembah Allah. Ia berkata kepada mereka: ‘Apakah yang kamu sembah selain Allah?’ Mereka menjawab: ‘Kami menyembah berhala dan kami akan terus menyembahnya’...Kemudian Ibrahim berkata: ‘Berhala-berhala yang kamu sembah ini, apakah dapat mendengar perkataanmu jika kmau mengatakan sesuatu kepada mereka?’ ‘Apakah mereka mampu mendatangkan manfaat kepadamu dan menolak mudarat?’ (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Lut - ‘Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya, ‘patutkah kamu melakukan perbuatan keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu’ (al-A’raf : 80)</p>	<p>Membangkitkan perasaan berfikir dengan melontar kembali persoalan</p>
	<p>4. Nabi Nuh, Nabi Soleh dan Nabi Ibrahim</p>	<p>Nabi Nuh – Dengan penuh tawadu’ dan sopan, Nuh berkata kepada mereka sebenarnya hanyalah Allah, maka tiada tempat bagi mereka untuk lari melepaskan diri (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Nuh telah menjawab tuduhan kaumnya dengan ungkapan yang sangat mulia (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Soleh – Nabi Ibrahim berkata kepada kaumnya yang majoriti: ‘Wahai kaumku, mengapa kamu menentang kebenaran dan menginginkan disegerakan datangnya seksa</p>	<p>Mempersiapkan diri dengan etika yang mulia, keberanian dan kesabaran</p>

		<p>serta membalas kebaikan dengan keburukan dan kekejian. Maka mintalah ampun kepada Allah, Dia memberi rahmat kepada kamu sekalian' (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Ibrahim – Dengan bapanya : Semuanya itu dijelaskan Nabi Ibrahim kepada bapanya dengan sopan, lemah-lembut dan rasa kasih sayang yang mendalam (Tantawi 2001)</p> <p>Dengan kaumnya : Nabi Ibrahim telah menyuruh mereka dengan lemah lembut dan kasih sayang serta menggunakan uslub yang dapat memberi kepuasan akal fikiran dan perasaan (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Nuh - Kemudian Nabi Nuh mulai menghuraikan satu persatu tuduhan dan keraguan yang ada pada diri mereka dan berkata: 'Wahai kaumku, aku tidak mengatakan bahawa aku memiliki perbendaharaan rezeki dan tidak aku katakan bahawa aku adalah salah seorang malaikat Allah, tetapi aku ini adalah manusia seperti kamu (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Hud – Nabi Hud benar-benar menjawab semua pertanyaan dan tentangan kaumnya dengan hujah yang kuat penuh keberanian diri tanpa unsur kekerasan dan sarat dengan nasihat dan petunjuk (Tantawi 2001)</p> <p>Nabi Nuh – Nabi Nuh tidak pula membalas, mengherdik atau memperkecilkan mereka, sebaliknya menyerahkan baginda hanya berserah kepada Allah akan kaumnya yang tidak mahu beriman (Ahmad Fakrurrazi et al 2009)</p> <p>Nabi Hud- Nabi Hud membebaskan diri dari kesyirikan dan menentang kezaliman mereka serta menyerahkan segala urusan kepada Allah sambil meminta pertolonganNya (Tantawi 2001)</p>	<p>Berusaha menjawab keraguan yang dilontarkan secara tenang dan berlapang dada</p> <p>Menyerah segala urusan kepada Allah / Ikhlas</p>
--	--	---	---

Jadual 3

Kerangka akhir kunci dialog antara agama nabi-nabi terdahulu dengan kaumnya yang disebut di dalam Al-Quran

### Kesimpulan

Keseluruhannya, dialog ialah metod yang sesuai untuk dijadikan salah satu saluran dakwah khususnya dakwah kepada bukan Islam. Agama Islam tidak melarang umatnya untuk menjalinkan hubungan baik dengan penganut bukan Islam, bahkan menggalakkan umat Islam berinteraksi dengan bukan Islam terutama dalam menyampaikan risalah Islam. Enam



kata kunci yang diperolehi hasil daripada analisis isi kandungan dialog para nabi dan rasul. Keenam-enam kata kunci ini dapat menjadi kekuatan yang jelas bagi membuktikan kebenaran ajaran Islam serta dapat membezakan dengan terang di antara hak dan yang batil. Ini kerana, tanpa fahaman yang jelas akan membawa kepada kesamarataan agama atau lebih dikenali pluralisma agama yang mana dalam Islam melarang sekeras-kerasnya fahaman sebegini. Oleh yang demikian, kefahaman yang jelas tentang dialog perlu diterapkan dan enam kata kunci penting dalam mengadakan dialog dengan penganut agama lain perlu dijadikan alat ketika dialog itu dilakukan.

## Rujukan

- Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2009. Dialog dengan non-Muslim: iktibar dari kisah para nabi dalam al-Quran dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Ketamadunan Islam II: Dialog antara agama pemangkin keharmonian agama, hlm.43-48.
- Braun, V. and Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology dalam Qualitative Research in Psychology, 3 (2). Hlm.77-101
- Ghazali Basri. 1992. Christian mission and Islamic da'wah in Malaysia. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd Farid Mohd Shahrhan. 2012. Aqidah Islam dan faham pluralism agama dalam Pluralisme Agama: satu gerakan iblis memurtadkan ummah
- Muda Ismail Ab.Rahman, Jaffary Awang & Ahmad Munawar Ismail. 2008. Dialog antara agama-agama di Malaysia dalam Prosiding seminar antarabangsa Budaya dan Pemikiran Malaysia-Indonesia, hlm.289-292.
- Ramli Awang. 2008. Dialog antara agama dari perspektif al-Quran. Johor: UTM.
- Sofiah Shamsuddin. 2006. Al-Madkhal ila dirasah ulum al-Quran. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Thameem Ushama. 1998. Sciences of the Quran: an analytical study. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Zulkiflee Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norlina Muhammad & Farahwahida Mohd Yusof. 2011. Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Johor: UTM